



SEMANGAT: Sulaiman (kiri) bersama Pasukan Badminton UMS.

Pasukan Badminton UMS sedia beri cabaran pada SUKUM Ke-45

UB 11.08.2024 P.08

Oleh Vivi Olviana Najurus

KOTA KINABALU: Pasukan Badminton Universiti Malaysia Sabah (UMS) sedia untuk memberi cabaran sengit pada Kejohanan Sultan Staf Antara Universiti Awam Malaysia (SUKUM) Ke-45 yang berlangsung bermula 8 sehingga 17 Ogos ini.

Pengurus pasukan, Prof Madya Dr. Sulaiman Tahajuddin berkata, para pemain pasukan sudah menjalankan latihan selama beberapa minggu bagi persediaan menghadapi kejohanan ini.

“Saya percaya pasukan ini mampu mendatangkan

cabaran sengit bagi merebut kemenangan. Apa yang penting adalah para pemain perlu sentiasa menekankan disiplin yang tinggi, kerjasama dan semangat juang dalam pasukan,” kata-nya.

Beliau berkata demikian dalam satu Majlis Amanat kepada Pasukan Badminton UMS di sini.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada jurulatih pasukan, Dr. Mohamad Tahir Mapa yang memberikan pengorbanan masa, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada pasukan.

Penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Sukan

UMS dengan peluang dan kepercayaan yang diberikan kepada pasukan badminton UMS.

“Harapan saya agar para pemain dapat membuktikan prestasi masing-masing dan mencapai kejayaan dalam pertandingan nanti,” kata-nya.

Pada majlis sama, Sulaiman turut menyempurnakan acara penyerahan eluan kepada pemain sebagai sokongan kewangan bagi menampung perbelanjaan sepanjang latihan dan kejohanan berkenaan.

Acara badminton akan membuka tirai di Kejohanan SUKUM ke-45 bermula 11 sehingga 14 Ogos ini.